

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 JUN 2023

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE

HARI : JUMAAT



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL

UniMAP, PTPTN meterai MoU tingkat kesedaran bayaran balik pinjaman

Oleh Ercy Gracella Ajos - Jun 2, 2023 @ 8:39pm

bhnews@bh.com.my



Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Zaliman Sauli (kiri) dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid bersalaman selepas menandatangani MoU di ibu negara, hari ini. - FOTO Facebook Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

KUALA LUMPUR: Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Antara lain, ia akan menguatkan kemahiran dan pengetahuan mereka supaya berupaya memenuhi keperluan industri.

MoU itu ditandatangani Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Zaliman Sauli dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid.

Zaliman berkata, UniMAP bersetuju untuk bekerjasama dalam membuat penyelidikan dan membangunkan beberapa idea baharu bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap bayaran balik pinjaman.

Selain itu, katanya, ia juga akan menyentuh kepentingan penabungan melalui akaun Simpan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

"Melalui MoU ini, UniMAP bersetuju menyampaikan maklumat atau maklumat berhubung PTPTN menerusi medium hebahan bersesuaian dan papan iklan dalam kawasan kampus.

"Kami juga bersetuju memberi hadiah atau insentif kepada mana-mana kakitangan UniMAP yang mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kerjasama itu, katanya, menyokong usaha UniMAP sebagai universiti yang memperkasakan bidang akademik dan penyelidikan, di samping mengambil pelbagai inisiatif untuk melengkapkan kecemerlangan akademik.

Sementara itu, Ahmad Dasuki berkata, PTPTN komited membudayakan agenda penabungan untuk perancangan kewangan rakyat melalui Simpan SSPN, di samping menyediakan pinjaman bagi tujuan pendidikan tinggi.

"Hasrat PTPTN adalah membantu ibu bapa dan pelajar supaya mempunyai perancangan kewangan yang baik demi masa depan pendidikan agar tidak dibebani hutang.

"Melalui perancangan kewangan, graduan tidak terlalu bergantung kepada pinjaman semata-mata, sebaliknya menggunakan simpanan untuk menampung kos pengajian.

"Kerjasama ini diharap memberi impak positif kepada PTPTN dan UniMAP dalam memastikan pelajar lebih cakna serta berpengetahuan mengenai perancangan kewangan melalui Simpan SSPN," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1109388/unimap-ptptn-meterai-mou-tingkat-kesedaran-bayaran-balik-pinjaman>